



IMARAH عمارة



MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBUKOTA, KUALA LUMPUR

BIL: 5

BULETIN

2022

Selamat
Hari Kemerdekaan
ke 65 Tahun



Sambutan Aidil Adha meriah – muka 5



Salam Maal Hijrah 1444H – muka 11



Program Semarak Merdeka – muka 22

- **Program Klinik Bergerak Anjuran BKK Capai Sasaran.** muka 14
- **Program Bicara Santal 'Wanita Berkorban Atau Terkorban' Dapat Sambutan Luar Blasa.** muka 16
- **Sambutan Malam Merdeka Persatuan Penduduk Taman Danau Kota 23B Merlah Dan Penuh Bersemangat.** muka 21
- **Sumbangan 'Food Pack' Untuk Pelajar-Pelajar Kurang Berkemampuan Sempena Bulan Kemerdekaan.** muka 26



MASJID IBN ABBAS



MASJID IBN ABBAS



www.miatik.my



DARI MEJA KETUA EDITOR

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera Dan Salam Kemerdekaan,

Alhamdulillah, saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, IMARAH telah berjaya

diterbitkan hasil kerjasama antara sidang redaksi IMARAH dan para pengarang keseluruhannya.

Setiap keluaran IMARAH menghimpunkan pelbagai berita yang berlangsung di Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota, samada berbentuk program, aktiviti, latihan, lawatan, ceramah, pencapaian dan khidmat masyarakat.

IMARAH ialah wadah penghubung antara Masjid Ibn Abbas dan pembaca. Berita-berita yang diterbitkan mencerminkan kesungguhan pihak masjid melaksanakan amanah mengemudi masjid demi melihat pengimarannya kepada anak kariah dan jemaahnya.

Tidak lengkap rasanya jika himpunan berita ini tidak diterbitkan demi rujukan generasi akan datang.

Ini bermakna telah hampir dua tahun IMARAH menyimpan berita tentang masjid kita secara atas talian terbitan dalam format portal berita digital.

IMARAH dan penulisan perlu bergerak seiring. Penulisan ialah salah satu aktiviti pembudayaan ilmu. Penulisan bermula hasil cetusan daripada pembacaan menerusi pelbagai medium maklumat, samada bercetak mahupun elektronik. Melalui penulisan, ilmu pengetahuan individu akan berkembang dan mendorong kepada penciptaan maklumat baharu.

Memetik kata-kata penulis tersohor Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, "Orang boleh pandai setinggi langit, tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang dalam masyarakat dan dari sejarah. Menulis adalah bekerja untuk keabadian".

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi IMARAH serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan IMARAH kali ini.

Ahmad Zamri

ISI KANDUNGAN PILIHAN

MIATIK Anjur Program Pengimaranan Msjid Sempena Sambutan Aidil Adha 1443H	5
Diari Penceramah.....	10
MIATIK Atur Program Penuh Pengisian Sempena Sambutan Maal Hijrah 1444H.....	12
Biro Muslimat Gotong-Royong Sedia Hidangan Istimewa Bubur Asyura.....	17
MIATIK Kunjungi Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia (JMG).....	19
Majlis Jalinan Ukhuwah Mahabbah Rasulullah S.A.W.....	21
MIATIK Raikan Golongan Asnaf Sempena Sambutan Maal Hijrah.....	25

EDITORIAL

PENASIHAT

HJ NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR
(Pengerusi Masjid Ibn Abbas)

KETUA EDITOR

EN AHMAD ZAMRI BIN HASAN
(Ketua Biro Penerangan dan Penerbitan)

EDITOR

DATO' HJ. HASSAN BIN MOHD AMIN
UST MOHD SHUKRI BIN SHAFIE
HJ. KAMARUDIN BIN ISMAIL
HJ. MUHD SYAHAMIRUL EDININ BIN ABD HAMID
UST MARWAN HADID BIN NOR KHAIR
HJ OTHMAN BIN NAWANG
HJ. ABDUL LATIF BIN ABD RAHIM
HJH. TEH ROKIAH BINTI MOHAMAD SHARIF
UST MUHAMAD SHALAHUDDIN BIN MUHAMAD AJIB
PN. ARMI BINTI MOHAMED RAMLI
PN AMINAH BINTI ABDUL SYUKOR

Kata-kata Aluan



*HJ NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR
Pengerusi Masjid Ibn Abbas*

Assalamualaikum wbt.

Alhamdulillah, selawat dan salam buat junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Ilahi atas segala nikmat yang tidak ternilai kurniaanNya kepada kita. Kemerdekaan negara kita adalah antara nikmat kurniaanNya yang tidak ternilai untuk diucapkan dengan kata-kata.

Pengorbanan generasi yang lalu untuk mencapai kemerdekaan negara kita kini perlulah kita hargai dan mempertahankannya walaupun dengan harta mahupun nyawa sekalipun agar nikmat ini dapat diwarisi ke generasi kita seterusnya.

Kita juga perlu memahami erti kemerdekaan secara menyeluruh dan tidak hanya sekadar satu hari dalam setahun sahaja untuk menzahirkannya. Bagaimanakah dengan diri kita ini? Merdekakah diri kita untuk Agama, Bangsa dan Negara?

Pihak masjid turut sama merancang pelbagai aktiviti pengimarahkan masjid sempena bulan kemerdekaan ini. Aktiviti dan program yang dirancang diharapkan dapat memberi lebih pengisian ilmu disamping meningkatkan lagi nilai ukhuwah antara anak kariah kita. Marilah kita bersama-sama mengimarahkan lagi masjid kita ini. Saya amat mengharapkan agar pengukuhan perpaduan antara anak kariah kita tidak dibatasi oleh perbezaan agama, bangsa mahupun fahaman politik. Kerana kita adalah Rakyat Malaysia. Semoga Hari Kemerdekaan kali ini memberi kita pengertian yang lebih bermakna untuk kita menjadi insan yang lebih baik dari sebelum ini.

Selamat menyambut Kemerdekaan ke 65

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Alhamdulillah, saya rafakkan setinggi kesyukuran kepada-Nya, selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi SAW. Begitu juga kepada kaum keluarganya, para sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari Akhirat.

Pada bulan Ogos setiap tahun, khususnya pada 31 Ogos, rakyat Malaysia sudah pasti akan mengingati tarikh keramat yang sentiasa diraikan di pelbagai peringkat sama ada di peringkat negara, negeri, daerah, masjid-masjid, jabatan-jabatan dan syarikat-syarikat. Ini bagi menzahirkan rasa syukur, bahagia dan gembira dengan kemerdekaan yang telah dikecapi oleh negara ini sejak 1957. Peristiwa bersejarah ini sentiasa diulang-ulang saban tahun.

Justeru sebagai rakyat Malaysia kita perlu memahami erti kemerdekaan negara kita ini dan sanggup mempertahankannya agar kenikmatan hidup aman dan harmoni dalam kalangan masyarakat sentiasa subur. Dengan tema sambutan kemerdekaan pada tahun ini iaitu **KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA** memberi makna agar semua lapisan masyarakat dapat hidup aman damai dan bersatu padu secara kolektif dan mampan.

Bersempena sambutan hari kemerdekaan Negara yang ke 65 ini saya lafazkan dengan ucapan yang diajar oleh Rasulullah SAW dengan kalimah: "الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ" (segala puji bagi Allah dengan kenikmatan darinya, menjadi sempurna semua amal kebaikan)

"MERDEKA,ALLAHU AKBAR!!!"



*Al-Faqir ilallah,
MOHD SHUKRI BIN HJ SHAFIE
Pemangku Naqib Masjid Ibn Abbas*

Pentadbiran Masjid



Barisan Ahli Jawatankuasa Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota

Pengerusi	Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor	Biro Kebajikan	Dato Hj Hassan Bin Mohd Amin
Timb Pengerusi	Dato Hj Hassan Bin Mohd Amin	Biro Muslimat	Hjh Teh Rokiah Bt Mohamed Sharif
Setiausaha	Ustaz Mohd Shukri Bin Shafie	Biro Keselamatan & Keceriaan	Hj Kamaruddin Bin Ismail
Bendahari	En Ahmad Khairi Bin Mahidin	Biro Belia	Ustaz Muhammad Shalahuddin Bin Muhamad Ajib
Biro Pendidikan & Dakwah	Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair	Biro Beliawanis	Pn Armi Bt Mohd Ramli
Biro Penerangan & Penerbitan	En Ahmad Zamri Bin Hasan	Biro Multimedia	Hj Latif Bin Abd Rahim
Biro Khairat Kematian	Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor	Biro Pembangunan & Ekonomi	Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor
		Tugas Khas	Hj Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid



Barisan Imam & Bilal Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota

Pemangku Naqib	Ustaz Mohd Shukri Bin Shafie	Ketua Bilal	Ustaz Mohd Firdaus Bin Abdul Rahman Sidek
Imam Ratib 1	Ustaz Mohamad Nukman Bin Hishamudin	Pembantu Bilal 1	Hj Mohd Yunos Bin Hashim
Imam Ratib 2	Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair	Pembantu Bilal 2	Hj Naveer Mohideen
Imam Ratib 3	Ustaz Muhammad Shalahuddin Bin Muhamad Ajib	Bilal Rakyat	En Mohd Abu Bakar Bin Abdullah
Imam Rakyat	Ustaz Muhammad Ali Imran Bin Abdul Aziz		

MIATIK ANJUR PROGRAM PENGIMARAHAN MASJID SEMPENA SAMBUTAN AIDIL ADHA 1443H

Di dalam sebuah hadith daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Tiada hari-hari yang paling disukai oleh Allah untuk seseorang melakukan ibadah kepada-Nya selain 10 hari dalam Zulhijah. Puasa setiap harinya menyamai puasa setahun dan qiamullail setiap malamnya menyamai qiamullail pada malam Al-Qadr." (Riwayat al-Tirmizi dan Ibnu Majah)



Para jemaah program qiamullail bersahur bersama penceramah program Ustaz Dr Rohaili Abd Rahman di Masjid Ibn Abbas – MIATIK foto

PROGRAM QIAMULLAIL DAN PUASA SEMPENA HARI ARAFAH

MIATIK, 9 Julai - Bermula seawal jam 4 pagi bagi menghidupkan malam (qiamullail) dengan mendirikan solat tahajud, solat sunat taubat, solat sunat hajat dan pelbagai lagi termasuklah beristighfar, berzikir kepada Allah S.W.T serta berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. yang dipimpin oleh Ustaz Dr Rohaili Abd Rahman belia selain jemaah dewasa ke masjid. telah dihadiri seramai hampir 100 orang jemaah. Pihak

pengurusan Masjid Ibn Abbas (MIATIK) pada asalnya telah meletakkan sasaran kehadiran tidak melebihi 40 jemaah berdasarkan data kehadiran program seumpamanya sebelum ini. Pertambahan bilangan jemaah kali ini turut memberikan sinar harapan yang menunjukkan keinginan dan kemahuan itu sudah ada, ditambah lagi dengan kehadiran anak muda termasuklah kelompok remaja dan kanak-kanak

Para jemaah turut diraikan dengan penyediaan juadah untuk bersahur kepada mereka yang merancang untuk berpuasa sunat Arafah pada hari berkenaan.



Puasa Hari Arafah iaitu puasa pada hari kesembilan Zulhijah yang disunatkan bagi mereka yang tidak melakukan ibadah haji. Mereka boleh memanfaatkan kemuliaan Hari Arafah dengan berpuasa sunat, berzikir dan melakukan amalan-amalan sunat yang lain. Berpuasa sunat Arafah diganjar pahala yang sangat besar, sebagaimana maksud sebuah hadis daripada Abu Qatadah al-Anshari RA, Rasulullah SAW ditanya tentang berpuasa di Hari Arafah. Maka Baginda bersabda: "*la menebus dosa setahun yang telah lalu dan setahun yang akan datang.*" (Riwayat Muslim)

MAJLIS IFTAR JAMA'I PUASA SUNAT WUKUF DAN TAKBIR RAYA

Masjid Ibn Abbas (MIATIK) telah mengadakan Majlis Iftar Puasa Sunat Wukuf kepada para jemaah yang hadir bersolat Maghrib di masjid. Majlis disambung kembali dengan takbir raya dan solat sunat tasbeeh selepas selesai solat Isya. Majlis diakhiri dengan hidangan ringan Moreh kepada para jemaah sebelum kembali ke rumah masing-masing. Majlis berkenaan dihadiri seramai 180 jemaah dan anak kariah. Majlis dipimpin oleh imam bertugas, Ustaz Marwan Hadid Norkhair.



Para jemaah sedang menikmati juadah berbuka selepas selesai menjalani ibadah puasa Arafah baru-baru ini. – MIATIK foto.

SAMBUTAN AIDIL ADHA MERIAH

MIATIK, 10 Julai - Selepas dua tahun kita 'berkorban' menyambut Hari Raya Aidiladha secara sederhana selain aktiviti ibadah korban yang dihadkan susulan pandemik Covid-19, tahun ini ibadah itu kembali disambut dengan penuh rasa syukur dan meriah.

Solat sunat Aidil Adha bermula jam 8.15 pagi telah dihadiri hampir 1,100 jemaah yang diimamkan oleh Naqib masjid, Ustaz Mohd Shukri Hj Shafie. Khutbah Aidil Adha 1443H kali ini bertajuk "Pengorbanan Lambang Ketaqwaan".



Sebahagian jemaah yang hadir melaksanakan solat sunat Aidil Adha di Masjid Ibn Abbas – MIATIK foto.



IBADAH KORBAN BERJAYA MENARIK RAMAI PESERTA

MIATIK, 11 Julai – Ibadah korban kali ini telah menunjukkan peningkatan bilangan penyertaan iaitu seramai 90 peserta. Sebanyak 13 ekor lembu telah ditempah dengan nilai belian sebanyak RM84,800. Segala pengurusan seperti penyembelihan dan lapahan dibuat di ladang ternakkan bertempat di ladang Buku Hijau Gombak.

Seramai 12 orang dari Jawatankuasa program korban ini yang diketuai oleh Ustaz Marwan Hadid Norkhair terlibat dalam kerja pengawasan aktiviti penyembelihan, pembahagian sehingga ke pembungkusan bagi memastikan kelancaran kerja berkenaan. Kerja sembelihan bermula jam 12 malam dan selesai pada jam 6.10 pagi. Manakala kerja pembungkusan selesai pada jam 1 tengahari. Serahan daging terbahagi kepada 3 bahagian iaitu, peserta, asnaf dan awam. Serahan dilakukan bermula jam 2 petang dan berakhir pada jam 6 petang.



RUMAH TERBUKA MIATIK SEMPERA SAMBUTAN AIDIL ADHA MENINGKATKAN LAGI NILAI PENGUKUHAN UKHUWAH SESAMA JEMAAH

MIATIK, 11 Julai – Majlis rumah terbuka MIATIK sempena perayaan Aidil Adha tahun ini walaupun sederhana tetapi mencapai matlamat utamanya, pengukuhan ukhuwah antara masjid dan para jemaah serta anak kariah. Pihak pengurusan MIATIK sentiasa berusaha untuk menyantuni para jemaah dan anak kariah dalam memastikan kelangsungan dan kesinambungan hubungan baik yang telah terjalin sekian lama dan meningkatkan lagi amalan pengimarah masjid seperti sebelum pasca C19.

Majlis ini juga bertujuan bagi meraikan para peserta dan petugas yang bertungkus lumus dalam memastikan kejayaan program ibadah korban pada tahun ini.

Pengerusi MIATIK, Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata, ‘Pihak pengurusan MIA akan terus berusaha mengadakan pelbagai aktiviti pengimarah seumpama ini bagi menggalakkan lagi ahli kariah khususnya dan para jemaah masjid amnya untuk merebut peluang bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah SWT serta menyokong usaha yang berterusan dalam mengimarahkan masjid lebih-lebih lagi setelah pelbagai kelonggaran kembali diberikan menuju fasa endemik’. Tambahnya lagi, ‘Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT apabila melihat program kali ini mendapat sambutan yang baik dari semua pihak dan semakin menarik apabila melihat peningkatan bilangan jemaah yang hadir ke masjid dari sebelum ini. Penghargaan yang tinggi juga patut diberikan kepada keseluruhan Jawatankuasa masjid yang tidak kenal erti penat yang sentiasa berusaha memberikan yang terbaik kepada anak kariah dan jemaah masjid ini.

Informasi berkaitan program ibadah korban di Masjid Ibn Abbas bagi tahun 1443H:

- Bilangan lembu korban adalah sebanyak 13 ekor dengan penglibatan 90 orang peserta.
- Jumlah kutipan dan belanja korban adalah sebanyak RM89,977.20
- Jumlah berat daging yang diperolehi adalah sebanyak 1,337kg
- Pengagihan dilakukan seperti berikut,

a. Peserta.....	364kg
b. Asnaf	442kg
c. Awam.....	501kg
d. Jamuan Aidil Adha.....	30kg

Lensa Aidil Adha 1443H

PROGRAM QIAMULLAIL, BERSAHUR DAN CERAMAH SEMPENA HARI ARAFAH OLEH USTAZ DR ROHAILI ABD RAHMAN



SOLAT SUNAT AIDIL ADHA DIPIMPIN OLEH USTAZ SHUKRI HJ SHAFIE





SEPANJANG IBADAH QURBAN YANG DILAKSANAKAN DI MASJID IBN ABBAS



Diari Penceramah



MIATIK, 2 Julai – YB Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri, Ahli Dewan Negara, telah sudi menerima jemputan Masjid Ibn Abbas bagi slot ‘Ceramah Maghrib Khas’ sempena program pengimarah masjid dalam bulan Zulhijjah baru-baru ini. Kupasan intipati ceramah adalah berkisar perjalanan ibadah haji perbezaan dahulu dan sekarang untuk dijadikan iktibar dan tanda kesyukuran kepada muslimin muslimat terutama kepada mereka yang bakal menunaikan ibadah haji.



MIATIK, 22 Jun – Masjid Ibn Abbas telah menerima kehadiran penceramah terkenal, Alfadhil Ustaz Ahmad Dusuki yang sudi mengisi slot ‘Kuliah Maghrib Khas’ dalam program pengimarah masjid pada hari ini. Ceramah yang mengambil masa selama satu jam ini membincangkan tajuk ‘Alam Barzakh, Rehat atau Penat’. Kesimpulan dari ceramah tersebut, bagi mendapat ketenangan di alam barzakh,

- i. Jaga hati, jangan bolak balik dari agama Allah
- ii. Sentiasa membaca AlQuran sebelum Subuh dan perbanyakkan berselawat
- iii. Jangan simpan harta dunia, selesaikan sebelum mati seperti berinfaq, wakaf dan seumpamanya.
- iv. Selesaikan segala hutang yang tertunggak
- v. Jaga akhlak dan jangan putuskan silaturrahim

Diari Penceramah



MIATIK, 11 Jun – Alhamdulillah, Kuliah Maghrib Khas pada hari ini telah menerima kedatangan AlFadhil Ustaz Dr Abdul Basit Abdul Rahman dengan membawa ceramah bertajuk ‘Bukti Kebenaran & Kebesaran Al-Quran’. Antara nasihat beliau yang perlu disemat di dalam hati setiap mukmin adalah, ‘Beri masa baca AlQuran, jangan sampai tiada masa baca AlQuran. Jika kita mencintai Allah, kita tidak akan rasa jemu membaca AlQuran’.



MIATIK, 30 Jun – Ceramah Maghrib Khas sempena sambutan Maal Hijrah kali ini dihidangkan sajian ilmu dari Al Fadhil Ustaz Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir. Majlis bermula selepas solat Maghrib yang dihadiri seramai lebih 80 orang jemaah dan anak kariah. Majlis ilmu kali ini membincangkan 3 perkara utama dalam penghijrahan diri iaitu, Iman, Aqidah dan Tauhid.



MIATIK, 23 Ogos – Sempena bulan kemerdekaan kali ini, Masjid Ibn Abbas telah menjemput Al Fadhil Ustaz Syed Abdul Kadir Al-Joofre untuk berkongsi ilmu dan muhasabah diri. Mutiara kata ceramah, Merdekanya kita apabila kita telah keluar dari perhambaan terhadap sesama hamba kepada perhambaan kepada Allah, dari kesempatan dunia kepada keluasannya, dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam.

SALAM MAAL HIJRAH 1444H/2022 MASIHI 'KELUARGA MALAYSIA PEMANGKIN KEMAKMURAN'

Sambutan Awal Muharram atau Maal Hijrah merupakan suatu hari yang penting kepada umat Islam bagi memperingati peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu penghijrahan junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W dari Kota Makkah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Peristiwa bersejarah itu berlaku pada 1 Muharam serta merupakan hari pertama dan tahun baru dalam Takwim Hijrah.

Muharram (محرم) adalah bulan pertama dalam Sistem Takwim Hijrah (Hijriah). Pada asasnya, Muharram membawa maksud 'diharamkan' atau 'dipantang', iaitu Allah SWT telah melarang melakukan peperangan atau pertumpahan darah. Namun demikian larangan ini ditamatkan setelah pembukaan kota Makkah (Al Baqarah: 91).

Sejak pemansuhan itu, umat Islam boleh melaksanakan tugas dan ibadat harian tanpa terikat lagi dengan larangan berkenaan. Rasulullah S.A.W telah menamakan bulan Muharram sebagai bulan Allah (shahrullahi).

Sandaran yang dilakukan oleh Baginda S.A.W kepada Allah S.W.T lantaran kemuliaan dan kelebihan bulan ini kerana sesungguhnya Allah S.W.T tidak merujuk kepadaNya melainkan oleh golongan khowas (terkhas) di kalangan makhluk – makhlukNya.

Daripada Al-Hassan Al-Basri Rahimahumullah, sesungguhnya Allah S.W.T telah membuka lembaran tahun baru di dalam takwim Islam dengan bulan Muharram. Tidaklah kedapatan bulan yang lebih mulia dalam takwim Islam di sisi Allah S.W.T itu selepas bulan Ramadhan melainkan bulan Muharram.



MIATIK ATUR PROGRAM PENUH PENGISIAN SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1444H

MIATIK, 25 Julai – Pihak pengurusan MIATIK telah mengatur beberapa program sempena sambutan Maal Hijrah pada tahun ini. Program-program yang telah dirancang dijangkakan bakal menarik lebih ramai jemaah dan anak kariah ke masjid. Antara program yang telah disusun oleh pihak pengurusan MIATIK seperti bacaan AlQuran surah An Naba' dan AlWaqiah, doa akhir dan awal tahun, selawat Tafrijiyyah, qiamullail serta beberapa siri kuliah dari penceramah-penceramah jemputan khas.







Program Imarah MAAL HIJRAH 1444H

"Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran"

<p>29 JULAI 2022 (JUMAAT)</p> <p>12.30 pm : Tazkirah Jumaat Khas "Maal Hijrah 1" Oleh : Ustaz Mohd Shukri Bin Hj Shafie</p> <p>*****</p> <p>6.45 pm : Penyampaian Gerobok Rezeki</p> <p>7.10 pm : Bacaan Al Quran Surah An Naba' dan Al Waqiah</p> <p>7.25 pm : Doa Akhir Tahun</p> <p>7.30 pm : Azan dan Solat Maghrib serta Doa Awal Tahun</p> <p>7.45 pm : Selawat Tafrijiyyah 5x</p> <p>7.55 pm : Kuliah Maghrib Khas "Maal Hijrah 2" Oleh : Ustaz Mohd Nadzri Bin Hj Mustakim</p> <p>8.44 pm : Azan dan Solat Isyak serta bacaan Surah Al Mulk</p> <p>9.10 pm : Jamuan</p> <div style="text-align: center;">  <p>Ustaz Mohd Shukri</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Ustaz Mohd Nadzri</p> </div>	<p>30 JULAI 2022 (SABTU)</p> <p>4.45 am : Qiamullail (Dipimpin Oleh Ustaz Mujahid)</p> <p>6.00 am : Azan dan Solat Subuh</p> <p>6.30 am : Kuliah Subuh Khas "Maal Hijrah 3" Oleh : Ustaz Mujahid</p> <p>7.20 am : Jamuan</p> <p>*****</p> <p>7.30 pm : Azan dan Solat Maghrib</p> <p>7.45 pm : Kuliah Maghrib Khas "Maal Hijrah 4" Oleh : Ustaz Dr Nizam Abdul Kadir</p> <p>8.44 pm : Azan dan Solat Isyak serta bacaan Surah Al Mulk</p> <p>9.10 pm : Jamuan</p> <div style="text-align: center;">  <p>Ustaz Mujahid</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Ustaz Dr Nizam Abdul Kadir</p> </div>
--	---

SEMUA MUSLIMIN DAN MUSLIMAT DIJEMPUT HADIR.

Lensa Maal Hijrah 1444H



Majlis sambutan Maal Hijrah dimulakan dengan bacaan surah AlWaqiah dan An Naba' serta doa akhir tahun dan awal tahun. Majlis turut diserikan dengan bacaan selawat Tafrijiyyah yang dipimpin oleh Ustaz Mohammad Salahuddin.



MIATIK telah menjemput tetamu khas, Ustaz Mohd Nadzri Mustakim, Imam Masjid Negara bagi pengisian slot Kuliah Maghrib Khas Maal Hijrah pada malam pertama.



Jamuan ringan turut disediakan bagi meraikan para jemaah dan tetamu yang hadir dalam program malam tersebut.



Program Maal Hijrah hari kedua telah diadakan program qiamulail seawal jam 4.45 pagi dan diikuti kuliah subuh khas oleh Al Fadhil Ustaz Mujahid.



Program semarakkan Maal Hijrah diteruskan ke hari ketiga di mana pengisian ilmu slot kuliah Subuh oleh Al Fadhil Ustaz Aryf Zaki merupakan kemuncak program.



Barisan ahli Jawatankuasa Khairat Kematian MIATIK dan petugas klinik bergerak tajaan MAIWP dan MAPIM – MIATIK foto.

PROGRAM KLINIK BERGERAK ANJURAN BKK CAPAI SASARAN

MIATIK, 20 Ogos – Program ‘SIHAT MERDEKA & KLINIK BERGERAK’ Anjuran BIRO KHAIRAT KEMATIAN MASJID IBN ABBAS (BKK MIA) dengan kerjasama JAWI, MAIWP, MAPIM dan DBKL telah dirasmikan oleh Pengerusi MAPEMS, YBhg. Datuk Seri Dr Shafie Bin Abdullah.

Program rawatan secara percuma ini turut menyediakan team *Mobile Clinic* MAIWP-MAPIM yang dibawakan khas ke Masjid Ibn Abbas. Kenderaan bas dua tingkat yang diubah suai dengan konsep mewah menambahkan lagi keselesaan kepada para pengunjung. Pengunjung juga turut dibekalkan

ubat-ubatan keperluan kesihatan mereka. Di antara jenis rawatan yang disediakan kepada pengunjung adalah,

- Pemeriksaan paras gula, tekanan darah dan nadi.
- Pemeriksaan jantung (ECG)
- Bacaan kolestrol
- Pemeriksaan Kesihatan
- Khidmat cuci & balutan luka
- Bekalan ubat terhad percuma

Seramai 135 orang pengunjung telah hadir menerima pemeriksaan secara percuma ini. Di samping itu juga, karnival jualan turut diadakan bagi tujuan membuka peluang pengusaha kecil – kecilan menjana pendapatan

dan mempromosi produk-produk mereka kepada pengunjung yang hadir.

Turut sama disediakan oleh pihak BKK ialah rawatan berbentuk alternatif. Al Fadhil Ustaz Shahidan Bin Ahmad selaku Ketua Perawat TIB SAFARJAL MALAYSIA telah diundang bagi berkongsi tip penjagaan kesihatan dalam ceramahnya yang bertajuk “Tibbun Nabawi ikhtiar Umat Islam”. Beliau turut berkongsi pengalaman dalam merawat dan cara mencegah pelbagai penyakit mengikut cara rawatan Islam. – *Sumber BKK.*

SENARAI AHLI JAWATANKUASA BIRO KHAIRAT KEMATIAN (BKK)

PENGERUSI

DATO’ ARIFIN BIN CHE MAT
(JUL ‘20 - DIS ‘21)
HJ NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR
(JAN ‘22 - KINI)

SETIAUSAHA

HJ OTHMAN BIN NAWANG
016 606 2867

BENDAHARI

AHMAD KHAIRI BIN MAHIDIN
013 394 8984

TEKNOLOGI MAKLUMAT

HJ ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHIM
019 486 5772

KETUA SKUAD JENAZAH

HJ. MOHAMMAD PAIZ BIN SHAARI
019 358 9124

AJK (WAKIL TAMAN IBU KOTA)

SUZAIRI BIN DATO’ MOHD SUKON
019 288 8608

AJK (WAKIL TAMAN DANAU KOTA)

HJ OTHMAN BIN NAWANG
016 606 2867

AJK (WAKIL TAMAN SETAPAK INDAH)

HJ GHAZI BIN HJ. OMAR
011 2337 0488

AJK (WAKIL PV12)

SAIFUL ASFAR BIN A. RAHMAN
019 615 2163

AJK (WAKIL SETAPAK INDAH F7)

ISMAIL BIN MOHD ARSHAD
016 278 5474

AJK (WAKIL MUSLIMAT / TERATAI MEWAH/ MEDAN IDAMAN)

AMINAH BINTI HJ ABD SHUKOR
012 660 7270
MASHITA SEHA BINTI SAIM
019 766 4956

**KLINIK BERGERAK MAIWP – MAPIM, PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA
DARI 19 SEHINGGA 20 OGOS 2022, LOKASI MASJID IBN ABBAS TAMAN IBUKOTA, KUALA LUMPUR**



MAIWP MOBILE CLINIC

PEMERIKSAAN PERCUMA

Pemeriksaan kesihatan (Demam, batuk, selesema, dll)
Paparasi kolonometri
Paparasi gula
Tekanan darah

PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA

KLINIK BERGERAK MAIWP- MAPIM

19-20 OGOS 2022 (Jumaat & Sabtu)

Waktu Pendaftaran: 10 pagi - 1.30 petang
*Waktu Konsultasi: 10 Pagi-3 Petang

MASJID IBN ABBAS TAMAN IBU KOTA, KUALA LUMPUR

TERBUKA KEPADA SEMUA PENDUDUK DAN PERINGKAT UMUR
SEMUA DIJEMPUT HADIR



IMBAS QR CODE UNTUK DAPATKAN BORANG PENDAFTARAN ANAK KARIAH, ASNAF DAN KEAHLIAN KHAIRAT KEMATIAN (MIATIK)
Sila serahkan borang yang telah siap diisi dan segala dokumen sokongan kepada AJK WAKIL TAMAN masing-masing untuk proses selanjutnya.



132 AHLI JEMAAH MUSLIMAT MASJID IBN ABBAS LAWAT KOMPLEKS NASYRUL QURAN

Putrajaya, 29 Jun – Seramai 132 ahli Jemaah muslimat Masjid Ibn Abbas (MIATIK) mengadakan lawatan ke Kompleks Nasyrul Quran di Presint 14, Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Ketua Biro Muslimat, Hjh Teh Rokiah, kesemua peserta jemaah muslimat diberi peluang untuk merasai sendiri pengalaman betapa indah dan syahdunya apabila memasuki kompleks percetakan kedua terbesar di dunia selepas Arab Saudi.

Katanya lagi, ia adalah antara program tahunan dan merancang akan mengadakan beberapa siri lawatan ke lokasi lain seterusnya.

PROGRAM BICARA SANTAI ‘WANITA: BERKORBAN ATAU TERKORBAN’ DAPAT SAMBUTAN LUAR BIASA

MIATIK, 27 Jun – Program Bicara Santai Bersama Ustazah Datuk Dr Norhafizah Musa dan Prof Dr Sharifah Hayati Syed Ismail yang berlangsung pada hari ini telah menarik penyertaan melebihi 300 jemaah muslimat. Turut bersama Dai Shafiqah Hanafiah sebagai moderator. Bicara santai yang membawa tajuk ‘Wanita: Berkorban atau Terkorban’ diadakan di Masjid Ibn Abbas telah dianjurkan oleh Biro Muslimat MIATIK yang menampilkan pelbagai pengisian menarik kepada para muslimat yang hadir.



Dari kiri Prof dr Sharifah Hayati Syed Ismail, Ustazah Datuk Dr Norhafizah Musa dan Dai Shafiqah Hanafiah – MIATIK foto.



Kumpulan nasyid muslimat Masjid Ibn Abbas yang terlibat dalam menyirikan lagi majlis anjuran Masjid Salahuddin Al-Ayubi

penghargaan yang tinggi. Semangat serta kesungguhan jemaah muslimat kita ini dalam menjayakan majlis tersebut diharapkan dapat dicontohi oleh generasi akan datang.

Majlis berkenaan turut disertai oleh 4 masjid dan surau terpilih dalam kawasan termasuk tuan rumah. Majlis dirasmikan oleh YBhg Datin HjH Mariah binti Hassan.

NASYID MUSLIMAT MASJID IBN ABBAS MERIAHKAN MAJLIS JALINAN UKHUWAH MAHABBAH RASULULLAH S.A.W

Taman Melati, 2 Ogos – Biro Muslimat Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota telah menerima jemputan majlis Jalinan Ukhuwah Mahabbah Rasulullah S.A.W anjuran Masjid Salahuddin Al-Ayubi sempena sambutan Maal Hijrah 1444H baru-baru ini. Biro Muslimat di bawah pimpinan HjH Teh Rokiah, telah berjaya membuat persembahan nasyid walaupun persediaannya dalam masa yang singkat. Penyertaan dan komitmen yang telah diberikan oleh para peserta yang terlibat seramai 20 orang ini amat membanggakan dan wajar diberi pujian dan



Sebanyak 100 pek bubur Asyura disediakan untuk diagihkan kepada para jemaah Masjid Ibn Abbas – MIATIK foto.

BIRO MUSLIMAT GOTONG ROYONG SEDIA HIDANGAN ISTIMEWA BUBUR ASYURA

MIATIK, 7 Ogos – Program sempena menyambut bulan Muharram diteruskan lagi dengan aktiviti membuat bubur Asyura. Program tahunan oleh Biro Muslimat ini sentiasa dinanti-nantikan oleh para jemaah dan anak kariah MIATIK setiap tahun. Persediaan masakan bubur Asyura telah dimulakan seawal pagi dan siap diedarkan kepada jemaah selepas selesai solat fardhu Asar pada hari yang sama.

INFAQ TUNAI BOLEH DISALURKAN KE AKAUN:



Maybank 5642 2163 6512

MASJID IBN ABBAS

KERJA NAIK TARAF CCTV RUANG SOLAT UTAMA DARI ANALOG KE DIGITAL



Hasil video dari sistem analog yang digunakan sebelum ini.



Hasil video setelah dinaiktaraf ke digital.

MIATIK, 23 Julai – Kerja naik taraf CCTV di ruang solat utama masjid telah dilakukan pada hari ini. Penaiktarafan sistem berkenaan bertujuan meningkatkan lagi mutu audio dan video di ruang berkenaan. Kelebihan ini dijangkakan dapat memberi lebih kepuasan kepada para jemaah dan pengikut maya siri ceramah yang selalu diadakan di masjid ini. Selain itu, sistem audio di ruang terbuka juga turut ditambah baikkan lagi bagi mengatasi permasalahan gangguan bunyi yang kerap berlaku sebelum ini. Sebanyak RM 4, 637 telah dibelanjakan untuk tujuan ini.

LAMPU LED HIJAU MENARA KEMBALI BERFUNGSI



MIATIK, 27 Julai – Kerja pembaikan pendawaian elektrik dan pemasangan lampu LED Hijau yang baru di menara masjid telah selesai. Lampu LED Hijau yang dipasang pada awal tahun lalu telah rosak disebabkan oleh masalah litar pintas. Perbelanjaan pembaikan adalah sebanyak RM4,000. Pemasangan lampu hijau ini adalah sebahagian dari saranan

JAWI dalam pelan pengimaran masjid.

KERJA SELENGGARA DAN GANTIAN BARU PENGHAWA DINGIN MASJID



MIATIK, 15 Julai – Kerja penyelenggaraan dan penggantian penghawa dingin masjid sedang dijalankan. Kontraktor mahir yang dilantik dan dipertanggung jawabkan dalam proses ini ialah syarikat KAG SERVICES. Kos terlibat bakal diketahui selepas kerja diagnosis tahap boleh guna kesemua peralatan dan keperluan selesai. Kerja penilaian dijangka siap awal bulan hadapan.



PEMBERSIHAN RUANG SOLAT UTAMA GUNA TEKNOLOGI BARU

MIATIK, 6 Ogos – Kerja pembersihan di ruang solat utama menggunakan kaedah ‘Deep cleaning’ dan ‘Super hot dry steam’ telah dilakukan oleh syarikat Rainbow. Kaedah ini dapat mengeluarkan habuk dan hama melalui getaran frekuensi tinggi serta kerja pengewapan dengan kepanasan wap setinggi 170°C untuk pembasmian kuman. Jumlah ruang yang telah dibersihkan adalah seluas 2,882 kaki persegi dengan bayaran sebanyak RM1,729.20 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut.



Wakil dari Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Mineral & GeoSains dan Universiti Tsukuba Jepun sedang mengambil sampel air dari telaga air bawah tanah Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota, Kuala Lumpur. – MIATIK foto.

KAJIAN 'ISOTOPE HYDROLOGY RESEARCH FOCUSING ON KLANG RIVER BASIN' KERJASAMA ANTARA AGENSI NUKLEAR MALAYSIA DAN UNIVERSITI TSUKUBA JEPUN

MIATIK, 11 Ogos – Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota (MIATIK) telah menerima tetamu dari 3 agensi, Jabatan Mineral dan Geosains, Agensi Nuklear Malaysia dan Universiti Tsukuba Jepun hari ini. MIATIK turut terpilih antara 11 premis dalam kajian kualiti air telaga bawah tanah di sekitar kawasan Lembah Kelang. Kajian tersebut melibatkan kerjasama antara Agensi Nuklear Malaysia, Universiti Tsukuba dari Jepun dan turut dibantu oleh Jabatan Mineral dan Geosains cawangan Selangor dan Wilayah Persekutuan.



MIATIK KUNJUNGI JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA (JMG)

MIATIK, 29 Ogos – Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota (MIATIK) telah melakukan kunjungan hormat ke Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) cawangan Selangor dan Wilayah Persekutuan hari ini. Kehadiran delegasi MIATIK yang diketuai oleh Hj Nizam Shah Mohd Noor, Pengerusi MIATIK telah disambut rasmi oleh Tuan Pengarah, Hj Mohd Zulkiflee Bin Che Soh dan pegawai-pegawai kanan JMG.

Tujuan kunjungan adalah untuk menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati atas sumbangan telaga bawah tanah (tube well) kepada masjid oleh JMG pada tahun lepas. Disamping itu juga, JMG turut menyerahkan dokumen serahan rasmi hakmilik telaga tersebut kepada MIATIK.

Selayang Pandang



Barisan ahli Jawatankuasa baru Surau An Nur Taman Setapak Indah Fasa 7 yang diketuai oleh Pengerusi, Sdr Ismail Mohd Arshad merangkap Imam surau berkenaan. – Sumber Surau An Nur.

PERLANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BARU SURAU AN NUR TAMAN SETAPAK INDAH FASA 7

Taman Setapak Indah, 22 Julai – Surau An-Nur Taman Setapak Indah Fasa 7 telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 6 pada hari ini, jam 9 malam. Mesyuarat kali ini diadakan bagi membuat pemilihan ahli Jawatankuasanya yang baru di samping membincangkan isu semasa pengurusan dan kebajikan penduduk di kawasan tersebut. Mesyuarat tersebut telah dihadiri hampir 60 orang penduduk dan jemaah surau tersebut Turut dijemput hadir ke mesyuarat berkenaan ialah Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Hj Nizam Shah Mohd Noor dan Timbalan Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Dato Hj Hassan Mohd Amin. MIATIK mengucapkan tahniah kepada semua ahli Jawatankuasa baru Surau An Nur Taman Setapak Indah Fasa 7. Semoga dengan perlantikkan ini dapat meneruskan lagi agenda pembangunan, dakwah dan kebajikan penduduk dengan lebih cemerlang.

SUMBANGAN DAGING KORBAN YAYASAN IHSAN MALAYSIA

Taman Melati, 11 Ogos – Yayasan Budi Ihsan Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Masjid (JAWI) telah mengadakan Sumbangan Daging Korban kepada Masjid dan Surau Jumaat Zon 2. Setiap masjid dan surau Jumaat menerima sebanyak 37 pek sumbangan daging korban untuk diagihkan kepada Asnaf. MIATIK diwakili Ketua Biro Kebajikan, Dato Hj Hassan Mohd Amin telah hadir di majlis penerimaan bertempat di Masjid Salahuddin Al Ayubi, Taman Melati.





MAJLIS JALINAN UKHUWAH MAHABBAH RASULULLAH S.A.W

Taman Melati, 2 Ogos – Masjid Salahuddin Al Ayubi telah menganjurkan Majlis Jalinan Ukhwah Mahabbah Rasulullah SAW Sempena Maal Hijrah 144H, anjuran Biro Agama & Dakwah, Badan Penggerak Muslimah & Biro Keceriaannya. Sebanyak 5 penyertaan kumpulan marhaban dan nasyid dari masjid dan surau di dalam kawasan JAWI zon 2, iaitu Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Taman Melati, Masjid Ibn Abbas, Taman Ibu Kota, Surau Al-Amin, Setapak Indah, Sinar Suri Kaw 12A, Taman Melati dan surau Al-Hidayah, Kg Setia Jaya.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran YBhg Datin Hj Mariah binti Hassan, Mantan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah sudi hadir merasmikan program & menyampaikan saguhati kepada wakil-wakil kumpulan.

SAMBUTAN MALAM MERDEKA PERSATUAN PENDUDUK TAMAN DANAU KOTA 23B MERIAH DAN PENUH BERSEMANGAT.

Taman Danau Kota, 30 Ogos – ‘Sambutan Ambang Merdeka Taman Danau Kota 2022’ telah di adakan bagi menyemarakkan lagi semangat cintakan negara disamping memupuk silatulrahim dan kerjasama dikalangan warga penduduk Taman Danau Kota. Seramai lebih 300 orang telah menghadiri majlis tersebut. Pelbagai sajian makanan disediakan oleh para penduduk dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Majlis turut dihadiri wakil Ahli Parlimen Wangsa Maju, Encik Andre C.H Lai.

Kemuncak upacara adalah laungan MERDEKA sebanyak 7 kali diketuai oleh Pengerusi persatuan, Tuan Hj Ghazali Katon diikuti dengan nyanyian beramai-ramai lagu Negaraku dan Keranamu Malaysia.





Pelbagai acara diaturkan dalam program Semarak Merdeka anjuran Biro Belia & Beliawanis MIATIK – MIATIK foto.

PROGRAM SEMARAK MERDEKA ANJURAN MIATIK SERLAH SEMANGAT KEKELUARGAAN DAN PATRIOTIK

MIATIK, 31 Ogos – Sempena sambutan hari kemerdekaan tahun ini, Biro Belia dan Beliawanis MIATIK telah menganjurkan program ‘Semarak Merdeka’ baru-baru ini. Seramai hampir 200 tetamu telah hadir memeriahkan lagi program ini. Pelbagai aktiviti dan pertandingan seperti mewarna, mendeklamasi sajak dan pakaian beragam yang bertemakan patriotik diadakan dengan 87 penyertaan dari kategori kanak-kanak. Pertandingan gubahan turut diadakan bagi kategori dewasa. Turut diadakan persembahan badut bagi memeriahkan lagi suasana dan menghiburkan tetamu terutamanya kanak-kanak yang hadir.



Pertandingan Gubahan untuk kategori dewasa



Persembahan badut menghiburkan tetamu

Menurut Puan Armi Mohd Ramli selaku pengurus program, acara ini diadakan bagi menyemarakkan lagi suasana sambutan kemerdekaan terutamanya kepada generasi muda anak-anak kita. Objektif utama program ini selain dari menyelami erti kemerdekaan dan semangat patriotik kepada generasi muda, unsur kekeluargaan dan kerohanian juga turut diterapkan bagi merapatkan lagi hubungan anak kariah dengan masjid.

Berikut adalah nama pemenang-pemenang pertandingan, Pertandingan mewarna Tahap 1 telah dimenangi oleh Aimi Mardhiah, Muhammad Haziq Mikail dan Hani Zaharah. Bagi

Tahap 2 pula dimenangi oleh Fatin Nurbatrisyia, Nurdiyana Athirah Md Kamal dan Nur Qhaliesya Syazreen bt Hisyam. Bagi kategori deklamasi sajak dimenangi oleh adik Sofia Zahra bt Ahmad Hizami dan adik Irfan Zikry b. Ahmad Hizami dari SK Danau Kota 2. Manakala adik Abdullah Khaleed dari SK Setapak Indah.

Untuk kategori pakaian beragam, pemenangnya ialah adik Dewi Melati bt Mohamad Zamzuri Sufi, Fatin Nur Badrisha bt Mohd Firdaus dan Nur Qhaisara Shazmiera bt Nur Hisyam.

Gubahan bertemakan patriotik dewasa telah dimenangi oleh Pn Jamaliah Md Noor, Pn Selha Mohd Suan, Pn Sariah Ramli dan Pn Noraini Yunus.

Pemenang Deklamasi Sajak (Video)



Tempat Pertama Sofia Zahra bt Ahmad Hizami



Tempat Kedua Irfan Zikry b. Ahmad Hizami





1. Pn Jamaliah Md Noor

2. Pn Selha Mohd Suan

3. Pn Sariah Ramli



1. Dewi Melati

2. Fatin Nurbatrisyia

3. Nur Qhaisara Shazmiera



1. Fatin Nurbatrisyia

2. Nurdiyana Athirah

3. Nur Qhalesya Syazreen



1. Aimi Mardhiah

2. Muhammad Haziq Mikail

3. Hani Zaharah



Sila scan QR code disebelah kiri anda untuk paparan foto-foto menarik sekitar program 'SEMARAK MERDEKA' yang telah diadakan di Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota, Kuala Lumpur.



Sebahagian dari penerima sumbangan yang hadir dalam majlis sambutan Awal Muharram – MIATIK foto.

MIATIK RAIKAN GOLONGAN ASNAF SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH

MIATIK, 29 Julai – Sempena sambutan Maal Hijrah 1444H, Biro Kebajikan telah mengadakan program sumbangan barang asas dapur (Gerobok Rezeki) dan tunai buat golongan asnaf. Sebanyak 20 orang asnaf berdaftar dalam kariah telah terpilih untuk menerima sumbangan berkenaan.

MIATIK ZIARAH USTAZ FIRDAUS

MIATIK, 31 Julai – MIATIK yang diwakili Pengerusi Hj Nizam Shah Mohd Noor, Timbalan Pengerusi Dato Hj Hassan Mohd Amin, Setiausaha Ustaz Shukri Shafie dan Bendahari En Ahmad Khairi Mahidin telah turun padang menziarahi Ustaz Firdaus Abd Rahman, Ketua Bilal Masjid Ibn Abbas di kediamannya hari ini.

Ustaz Firdaus telah menjalani pembedahan membuang ketumbuhan di otak 'Epidermoid Cyst' di Hospital Kuala Lumpur. Beliau telah mengalami masalah penglihatan, pergerakan serta pertuturan, kesan dari pembedahan tersebut.

Dalam perjumpaan tersebut, Hj Nizam Shah telah menyampaikan sumbangan dari masjid dan jemaah MIATIK berjumlah RM6,503 bagi meringankan beban tanggungan beliau dan keluarga. Ustaz Firdaus dan isteri menzahirkan rasa terharu dan bersyukur atas bantuan yang diterima. Kepada yang ingin menyumbang, boleh terus menyumbang melalui tabung yang disediakan di masjid atau melalui atas talian kepada tabung masjid #UstazFirdaus.





Sumbangan 'Food Pack' MIATIK ke Sekolah Kebangsaan Danau Kota, Taman Danau Kota. – MIATIK foto.

SUMBANGAN 'FOOD PACK' UNTUK PELAJAR-PELAJAR DARI KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

MIATIK, 24 Ogos – Seramai 200 orang pelajar dari keluarga kurang berkemampuan menerima sumbangan 'Food Pack' dari Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota hari ini. Sebanyak 4 buah sekolah terlibat di dalam kariah masjid iaitu, Sekolah Kebangsaan Danau Kota, Sekolah Kebangsaan Setapak Indah, Sekolah Kebangsaan Danau Kota 2 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Setapak Indah.

Sumbangan sempena Bulan Kebangsaan itu disempurnakan oleh Ybhg Dato Hj Hassan Mohd Amin selaku Ketua Biro Kebajikan MIATIK yang turut turun padang menyerahkan sendiri sumbangan tersebut kepada wakil sekolah-sekolah berkenaan. Pihak Pentadbiran MIATIK amat menghargai atas kerjasama baik yang diberi oleh semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan.



MERAPATI GOLONGAN BERKEPERLUAN DALAM 'ZIARAH PERIHATIN'

MIATIK, 21 Ogos – Biro Kebajikan MIATIK telah meluangkan masa menziarahi keluarga Hajah Kamariah dan Puan Rosani Basron yang menetap di Taman Setapak Indah dalam program 'Ziarah Perihatin' baru-baru ini. MIATIK yang diwakili Hj Nizam Shah selaku Pengerusi MIATIK berkata, program ziarah ini adalah program berterusan masjid dalam usaha merapatkan jalinan silaturahim antara anak-anak kariahnya terutama golongan yang kurang bernasib baik. Pihak masjid cakna akan kesulitan yang dihadapi golongan ini dan berusaha untuk menyantuni dan membantu meringankan bebanan mereka, di samping suntikan moral agar mereka terus bersemangat mengharungi ujian hidup ini. Pihak MIATIK turut menghulurkan sedikit sumbangan barang asas dapur dan tunai dalam program ini.

Lensa Kebajikan



Gerobok Rezeki *Menyantuni yang memerlukan*



Gerobok Rezeki

BANTUAN BARANGAN ASAS DAPUR KEPADA ASNAF DAN KARIAH YANG BERKEPERLUAN, SILA HUBUNGI KAMI DI TALIAN **011-19625740**